

PM diberi tugas baru

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dipilih mengetuai kumpulan penilaian peringkat tertinggi Komanwel bagi mengkaji semula keseluruhan pencapaian pertubuhan itu, termasuk tugas Sekretariatnya bagi menghadapi tahun 1990-an.

Kumpulan penilaian itu akan dibantu oleh satu kumpulan kerja yang dianggotai oleh pegawai-pegawai berpengalaman yang akan dilantik oleh Setiausaha Agung pertubuhan itu setelah dibincangkan dengan kerajaan-kerajaan terbabit.

Kumpulan tertinggi 10 negara itu akan disertai oleh wakil Australia, Bahamas, Britain, Kanada, India, Jamaica, Nigeria, Singapura, Zambia dan Malaysia.

Pernyataan Bersama pada hari terakhir Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) mengumumkan, Datuk Seri Dr Mahathir akan menjadi pengerusi dan penye-

siap sebelum CHOGM 1991.

Dalam melihat tugas Komanwel pada 1990-an dan selepasnya, ketua-ketua kerajaan menyedari bahawa pertubuhan itu mempunyai tugas bersama yang besar. Mereka berpendapat dalam era peralihan dan perubahan ini, dunia memerlukan satu bentuk kerjasama yang lebih bermakna dan Komanwel boleh menyumbangkan ke arah itu.

Menurut pernyataan itu, bidang yang mungkin Komanwel boleh memberikan sumbangan penting ialah memperkukuhkan institusi demokrasi di negara-negara anggota, seperti yang diperse-

tujui sejak Perisytiharan Singapura Mengenai Prinsip-Prinsip Komanwel 1971.

Ketua-ketua kerajaan Komanwel juga mahukan kumpulan itu menilai persoalan keanggotaan dalam Komanwel hasil perbincangan pada CHOGM Kuala Lumpur.

Penting

Penubuhan kumpulan peringkat tertinggi itu dicadangkan oleh Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath Ramphal.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu wartawan Malaysia petang ini, sebuah unit khas akan diwujudkan di Kementerian Luar untuk mengendalikan dan menyelaraskan tugas kumpulan itu.

Menurut pernyataan itu, bidang tugas lebih luas, yang boleh dimainkan oleh Komanwel pada masa depan, hendaklah dinilai semula dan di-

BH 25 OCT 1989